

Konsep Pembentukan Identiti Remaja

Azizi bin Hj Yahaya

Erikson (1968) dan Adler dan Adler (1998) telah meletakkan remaja pada tahap kelima di antara lapan tahap yang dibentuknya dalam Teori Krisis Psikososial. Krisis yang dialami oleh remaja ketika ini ialah krisis identiti. Erikson juga menyatakan keremajaan merupakan transisi ke arah membina identiti sendiri. Berdasarkan teori Erikson, Marcia (1980) telah mengenal pasti empat keadaan identiti iaitu pencapaian identiti, komitmen tanpa krisis (*foreclosure*), difusi identiti dan mengalami krisis (*moratorium*)

Individu yang dididik secara demokratik mampu mengalami pencapaian identiti, melalui pemikiran secara aktif terhadap isu-isu penting dalam hidup mereka dan kemudian telah membuat pilihan dan komited dengan pilihan tersebut. Remaja sebegini mempunyai kekuatan diri yang flaksibel, harga diri yang tinggi, mampu berdikari dan bebas membina hubungan yang intim dan terbuka kepada idea baru. Terdapat juga ibu bapa yang memilih identiti dan kerjaya untuk anak remaja mereka. Fenomena 'foreclosure' iaitu komitmen tanpa krisis berlaku yang dibentuk oleh ibu bapa di mana anak-anak remaja ini mengikut sahaja kehendak ibu bapa untuk diadaptasikan dalam hidup mereka tanpa memikirkan pilihan yang wujud.

Individu yang mengalami difusi atau kekeliruan identiti dicirikan sebagai terpisah, tidak lengkap dan tidak mengalami sebarang krisis oleh itu tiada komitmen diri. Remaja seperti ini akan mengelak dari sebarang komitmen, sukar membuat keputusan, sukar berhubung dengan orang lain dan kabur tentang kepercayaan politik sosial dan agama. Kekeliruan identiti bukan sahaja digambarkan oleh masalah identiti tetapi dimanifestasikan dalam bentuk masalah autonomi, keakraban, seksualiti dan pencapaian (Azizi et.al.,2005)

Kebanyakan remaja mengalami 'moratorium' di mana mereka dengan bebasnya meneroka dan mencuba pelbagai peranan dan identiti serta menguji dan mencuba pelbagai komitmen dengan melibatkan pelbagai gerak aku, peranan, personaliti dan krisis bagi mencapai identiti dan kematangan.